

No. Soalan: 23
PR-1353-L02865

32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN MALEK
[KUALA PILAH]

TARIKH : 6 NOVEMBER 2017

SOALAN : Dato' Sri Hasan Bin Malek [Kuala Pilah]
minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan apakah syarat, kriteria atau pertimbangan yang perlu diambil kira bagi menginsuranskan bangunan-bangunan Kerajaan di luar negara sekiranya Kerajaan negara tuan rumah tidak mewajibkan polisi insurans yang berkaitan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Pilah atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan memiliki 84 harta tanah di 40 buah negara yang diuruskan sendiri oleh Kementerian Luar Negeri. Ini termasuklah Bangunan Kedutaan Besar Malaysia di Phnom Penh.

3. Bagi memastikan aset Kerajaan selamat dan dalam keadaan baik, Kementerian telah menggunakan sepenuhnya peruntukan yang diberi untuk menampung kos penyelenggaraan aset. Sebagai langkah tambahan bagi mengurangkan risiko kerugian akibat kerosakan dan bencana, harta tanah Kerajaan di luar negara turut dilindungi insurans bangunan sepetimana diwajibkan oleh negara tuan rumah.

4. Dalam hal ini, Kementerian Luar Negeri telah berusaha memastikan semua bangunan milik Kerajaan di luar negara memiliki polisi perlindungan insurans bangunan sepetimana yang disyaratkan. Malahan, harta tanah milik Kerajaan dalam pembinaan di luar negara juga dilindungi oleh insurans semasa pembinaan dan akan terus dilindungi sepanjang tempoh tanggungan kecacatan. Buat masa ini, Perwakilan tidak diperuntukkan kos perlindungan insurans bagi negara di mana kerajaan tuan rumah tidak mewajibkan perlindungan insurans.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (24)**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 6 NOVEMBER 2017
[ISNIN]

DARIPADA : YB TUAN SIM TZE SIN
[BAYAN BARU]

SOALAN :-

YB Tuan Sim Tze Sin [Bayan Baru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah ekuiti termasuk saham , bond dan semua jenis ekuiti yang dipegang oleh kaum India di Malaysia mengikut tahun dari tahun 2007 ke 2017.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Jumlah ekuiti masyarakat India sehingga kini adalah 1.3%. Kerajaan sentiasa menitikberatkan usaha-usaha untuk meningkatkan ekuiti milik kaum India. Sehingga kini kerajaan melalui Permodalan Nasional Berhad (PNB) telah membantu 242,966 isi rumah India dengan 4,434.4 juta unit melalui Skim Amanah Saham Wawasan 2020, Amanah Saham Malaysia, Amanah Saham 1Malaysia, Amanah Saham Nasional (ASN3), ASG Pendidikan, ASG Kesihatan dan ASG Persaraan.

Selain daripada itu, untuk meningkatkan ekuiti melalui Sekretariat Khas untuk memperkasakan usahawan India (SEED), kerajaan telah memberi pinjaman perniagaan RM 1.36 billion kepada 31,202 usahawan masyarakat India daripada Ogos 2012 sehingga bulan Ogos 2017.

Langkah-langkah ini akan diteruskan dengan memberi dana amanah saham, geran perniagaan dan pinjaman perniagaan melalui Pelan

Tindakan Masyarakat India (MIB) yang dilancarkan oleh YAB Dato' Sri Mohd. Najib Bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia dan Unit Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India (SEDIC) akan menyelia kesemua program ini untuk mencapai sasaran yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

6 November 2017